

## **“ANUGERAH SUKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MSSM – MILO TAHUN 2013”**

19/03/2014

PULLMAN HOTEL, PUTRAJAYA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin dan rahmatNya, dapat kita berkumpul bersama di dalam majlis yang amat bermakna ini bagi menyempurnakan Majlis Anugerah Sukan Kementerian Pendidikan Malaysia MSSM-MILO Tahun 2013.

2. Sesungguhnya saya amat berbesar hati kerana diberi penghargaan untuk menyampaikan pengiktirafan kepada atlet murid, golongan pendidik, pemimpin serta warga KPM yang cemerlang sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Para hadirin sekalian,

3. Penganjuran Majlis Anugerah Sukan ini adalah signifikan ke arah mewujudkan suatu acara berprestij dalam bidang sukan. Di sinilah kita mengiktiraf dan meraikan kejayaan para atlet murid dan warga pendidik yang telah menyahut cabaran menaikkan kegemilangan sukan institusi pendidikan di peringkat akar umbi sehingga ke persada antarabangsa.

4. Penganugerahan ini diharapkan menjadi pendorong untuk kejayaan yang lebih berimpak kepada penerima anugerah dan warga KPM. Majlis seumpama ini juga adalah selaras dengan hasrat KPM untuk menggalakkan murid serta warga pendidik bergiat aktif dalam aktiviti sukan. Dengan ini sukan dijadikan sebagai landasan untuk membudayakan gaya hidup sihat dan disamping mencipta nama di peringkat yang tertinggi dengan kebolehan serta kemampuan masing-masing.

5. Setiap tahun Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) dengan kerjasama Majlis Sukan Sekolah Negeri akan mengelolakan 24 jenis sukan bagi 3 peringkat umur iaitu 12 tahun ke bawah, 15 tahun ke bawah dan 18 tahun ke bawah.

6. Kejohanan MSSM merupakan landasan untuk kita menilai prestasi atlet murid. Selain itu, melalui kejohanan ini juga kita dapat mencungkil serta mengasah bakat atlet murid untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi. Hasilnya, dalam majlis ini kita telah dapat melihat pencapaian cemerlang atlet kita dalam bidang yang diceburi.

7. Banyak kejayaan yang telah diraih oleh atlet murid kita di temasya sukan di dalam dan luar negara. Contohnya, melalui kejohanan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM), kita

dapat melihat bakat atlet murid kita bagi dua puluh empat (24) jenis sukan. Ramai atlet murid telah menunjukkan prestasi yang cemerlang di samping mencipta rekod individu dan rekod kejohanan melalui acara ini. Ini jelas menunjukkan peningkatan prestasi atlet kita bermula di peringkat sekolah.

8. Dipersada antarabangsa pula, atlet kita juga telah menunjukkan prestasi yang amat memberangsangkan. Sebagai contoh, dalam Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN Kali Ke-5 (5th ASG 2013) yang berlangsung di Hanoi, Vietnam, kontinjen Malaysia telah mendapat Naib Johan keseluruhan mengatasi Thailand, Indonesia dan Singapura dengan kutipan pingat sebanyak lapan puluh lima (85) yang mana pingat-pingat tersebut terdiri daripada dua puluh lima (25) pingat emas, tiga puluh (30) perak dan tiga puluh (30) pingat gangsa.

9. Manakala dalam Kejohanan Balapan dan Padang Sekolah Asia Kali Pertama di Kuantan Pahang kontinjen Malaysia telah mencapai kejayaan cemerlang dengan kutipan sebanyak dua belas (12) pingat emas, empat belas (14) pingat perak dan sepuluh (10) pingat gangsa. Seterusnya membawa Malaysia sebagai juara keseluruhan bagi kejohanan ini.

10. Dalam Kejohanan Sukan Institusi Pendidikan Malaysia (SIPMA) Kali ke-5, yang berlangsung pada bulan November 2013 di Pahang, kontinjen MSSM yang terdiri daripada atlet murid bawah 18 tahun telah berjaya mendapat gelaran juara keseluruhan dengan menjuarai enam (6) daripada tujuh (7) jenis sukan yang dipertandingkan.

11. Prestasi inilah yang kita inginkan dalam perkembangan sukan di peringkat akar umbi. Kejayaan ini bukan sahaja dapat dibanggakan oleh masyarakat dan penggiat sukan tanah air malah sebagai penyuntik semangat dan motivasi kepada anak-anak yang lain agar bersama ke arah kejayaan yang lebih berimpak.

12. Pembangunan sukan yang dilaksanakan di peringkat daerah melalui Majlis Sukan Sekolah Daerah, peringkat negeri melalui Majlis Sukan Sekolah Negeri dan di peringkat kebangsaan dalam kejohanan MSSM telah melahirkan ramai atlet murid yang berjaya mengharumkan nama negara di persada sukan antarabangsa.

13. Antara nama-nama atlet murid yang bakatnya dicungkil dari kejohanan MSSM yang telah menyerlah di Sukan SEA Ke-27 di Myanmar 2013, adalah Nauraj Singh (Lompat Tinggi), Mohammad Nazreen Abdullah (Terjun) dan Haziq Kamaruddin (Memanah). Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada mereka semua ini.

Para hadirin sekalian,

14. Selain daripada itu, hasil kejayaan atlet murid KPM dalam kejohanan berprestij ini telah

mengangkat imej sukan negara di persada antarabangsa. Ini juga memberikan petanda sihat dan positif dalam transformasi sistem pendidikan Malaysia iaitu; menyediakan masyarakat Malaysia yang berpersonaliti unggul yang mengamalkan nilai-nilai seperti semangat juang dan patriotik yang tinggi.

15. Pada pagi ini, sebanyak 12 anugerah akan disampaikan sebagai insentif dan pengiktirafan kepada atlet remaja dan golongan pendidik serta warga KPM yang bertungkus lumus membantu memburu kecemerlangan dalam bidang sukan. Bagi saya, anugerah ini bukan sahaja untuk kejayaan peribadi atlet atau guru sendiri, malah untuk KPM dan juga negara. Atlet-atlet yang diraikan dalam majlis ini merupakan manifestasi kepada kejayaan dalam pembangunan dan kecemerlangan sukan yang diusahakan oleh KPM.

16. Di sini saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) atas usaha gigih untuk mempertingkatkan dan memperluaskan penyertaan sukan dalam kalangan murid sekolah di seluruh Malaysia. Dengan pengelolaan sebanyak 24 jenis sukan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan, Majlis Sukan Sekolah Malaysia dapat menyerlahkan bakat atlet murid bukan sahaja di peringkat kebangsaan malah di peringkat antarabangsa.

17. Tidak ketinggalan kepada syarikat Nestle Products Sdn. Bhd – (MILO), saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kerana sentiasa memberi komitmen dalam pelaksanaan program-program sukan sekolah. Peranan Nestle Products Sdn. Bhd. – (MILO) sewajarnya mendapat sanjungan dan saya berharap usaha ini akan berterusan bagi merealisasikan harapan dan impian kita untuk melahirkan atlet bertaraf dunia. Pembabitan MILO terutama di peringkat sekolah untuk mencungkil bakat-bakat baru, adalah sumbangan Corporate Social Responsibilities (CSR) yang begitu besar kepada perkembangan sukan. Diharap dengan pembabitan dan kerjasama yang baik seperti ini dapat disambut oleh agensi-agensi lain demi membangunkan sukan Kementerian Pendidikan Malaysia.

18. Pihak KPM amat berbesar hati dengan penglibatan ibu bapa dalam membantu mempertingkatkan keberhasilan murid dalam bidang sukan mahupun akademik. Kejayaan yang dicapai atlet-atlet pada hari ini, diharapkan akan menjadi faktor penggalak kepada murid-murid lain untuk melibatkan diri dengan lebih aktif dalam sukan. Saya juga ingin menyeru kepada atlet-atlet muda agar teruskan usaha dan perjuangan serta menghargai pengorbanan ibu bapa anda yang telah membawa anda semua berjaya sehingga ke peringkat ini.

19. Akhir kata, saya mengambil peluang di majlis ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga KPM dan semua pihak yang terlibat secara langsung dalam menjayakan pembangunan sukan di bawah naungan KPM, khususnya Majlis Sukan Negara (MSN), Majlis Olimpik Malaysia (MOM) dan Persatuan

Sukan Kebangsaan (PSK). Semoga usaha murni ini dapat diteruskan dalam membina modal insan atau murid yang seimbang serta harmonis secara holistik, seterusnya melahirkan generasi yang menjadi aset kepada negara di masa akan datang.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Terima kasih.